



NEWSLETTER

Disediakan oleh:
MALATHI PONNUSAMY
Timbalan Pengarah, BPAN

COVID-19: KESAN KEPADA KETIBAAN PELANCONG



DEFINISI PELANCONGAN

Pelancongan merupakan fenomena sosial, budaya dan ekonomi yang berkaitan dengan pergerakan seseorang ke tempat yang di luar dari persekitaran biasa.

KATEGORI PELAWAT

PELAWAT

- *Traveller* yang melakukan aktiviti perjalanan ke destinasi utama di luar dari persekitaran biasa
- Tidak melebihi 12 bulan, selain daripada diambil bekerja oleh mana-mana entiti residen negara tersebut atau tempat yang dilawati

PELANCONG

Jika perjalanannya melibatkan tidur bermalam


PELAWAT HARIAN

Jika perjalanannya mengambil masa kurang dari 24 jam


TUJUAN LAWATAN

- Perniagaan dan profesional
- Pendidikan dan latihan
- Percutian dan aktiviti rekreasi
- Melawat rakan dan saudara-mara
- Kesihatan dan rawatan perubatan
- Urusan keagamaan / Haji
- Membeli-belah
- Transit

JENIS-JENIS PELANCONGAN




NILAI DITAMBAH KASAR INDUSTRI PELANCONGAN (NDKIP) 2005-2018




Pelancongan merupakan salah satu industri yang strategik, berpotensi dan menyumbang secara dinamik kepada pertumbuhan ekonomi negara. Akaun pengeluaran sektor pelancongan merekodkan sumbangan RM220.6 bilion (15.24%) pada tahun 2018 berbanding RM56.4 (10.38%) bilion pada tahun 2005 kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi tempoh 2005-2018, pertumbuhan purata tahunan (CAGR) bagi sektor ini adalah direkodkan berkembang pada kadar 11.1 peratus.

KETIBAAN PELANCONG 2000-2020f



Sektor pelancongan didapati mudah terdedah kepada konflik bersifat dalaman dan global seperti bencana alam, wabak, kemelut politik dan juga krisis kewangan. Sepanjang tempoh 1991-2019, ketibaan pelancong ke Malaysia beberapa kali mengalami kemerosotan, khususnya pada tahun 1998 yang berpunca daripada krisis ekonomi di peringkat global. Wabak SARS pula menyebabkan pertumbuhan bilangan ketibaan merosot pada tahun 2003 sebanyak 20.4 peratus. Pelancongan negara turut berhadapan dengan bencana jerebu pada tahun 2015 serta isu insiden MH370 dan MH17 pada tahun sebelumnya. Wabak **COVID-19** merupakan cabaran paling getir kepada prestasi pelancongan negara dan memaksa pembatalan Kempen Melawat Malaysia 2020. Dijangkakan ketibaan pelancongan pada tahun tersebut mengalami pertumbuhan defisit sehingga 65 peratus.

PENERIMAAN PELANCONGAN & KETIBAAN PELANCONG 1991-2019



Penerimaan pelancongan bagi segmen inbound adalah selari dengan prestasi ketibaan pelancong ke Malaysia. Di peringkat global, pada tahun 2020, UNWTO menganggarkan penurunan bilangan pelancong antarabangsa antara 60%-80% yang memberi kesan kepada kemerosotan terimaan pelancongan mencecah USD80 bilion di seluruh dunia disebabkan wabak **Covid 19**.


KETIBAAN PELANCONG MENGIKUT PASARAN UTAMA

	2015		2016		2017		2018		2019	
	Ketibaan ('000)	Ranking	Ketibaan ('000)	Ranking	Ketibaan ('000)	Ranking	Ketibaan ('000)	Ranking	Ketibaan ('000)	Ranking
SINGAPURA	12,931.1	1	13,273.0	1	12,441.7	1	9,550.3	1	10,163.9	1
INDONESIA	2,788.0	2	3,050.0	2	2,796.6	2	2,958.1	2	3,623.3	2
CHINA	1,677.2	3	2,124.9	3	2,281.7	3	2,711.9	3	3,114.3	3
THAILAND	1,343.6	4	1,780.8	4	1,836.5	4	1,758.3	4	1,884.3	4
BRUNEI	1,133.6	5	1,391.0	5	1,660.5	5	1,264.7	5	1,216.1	5
INDIA	722.1	6	638.6	6	552.7	6	547.5	7	735.3	6
KOREA SELATAN	421.2	9	444.4	7	484.5	7	563.6	6	673.1	7
JEPUN	483.6	8	413.8	9	392.8	8	362.1	8	424.7	8
FILIPINA	554.9	7	417.4	8	370.6	9	359.4	9	421.9	9
TAIWAN	283.2	10	300.9	10	332.9	10	363.3	10	382.9	10

Sumber: Tourism Malaysia

Bilangan ketibaan pelancong secara umumnya dipengaruhi oleh fenomena pelancongan sempadan. Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei merupakan negara yang memberikan sumbangan yang besar kepada bilangan ketibaan ke Malaysia.

KETIBAAN PELANCONG MENGIKUT 5 PASARAN UTAMA, SUKU TAHUN PERTAMA, (2017-2020)



Sumber : Tourism Malaysia

Berdasarkan data ketibaan pelancong bagi bulan Jan – Mac 2020, kelima-lima pasaran utama bagi pelancongan inbound telah merekodkan kemerosotan pertumbuhan yang ketara, khususnya berpunca daripada penularan **COVID-19** di peringkat global. Penurunan pertumbuhan paling tinggi direkodkan oleh pasaran Brunei (-57.6%) dengan diikuti oleh China (-52.4%), Singapore (-41.3%), Thailand (-32.3%) dan Indonesia (-24.2%). Dalam perkembangan yang berkaitan, beberapa syarikat penerbangan telah mengumumkan jangkaan kerugian di samping terpaksa menstruktur semula tenaga kerja atas bebanan kos luar jangka yang tinggi. Sektor penginapan turut terjejas kesan daripada pengurangan mendadak permintaan serta pembatalan tempahan oleh pelanggan.

3

KESAN COVID-19 KEPADA PRODUK PELANCONGAN

- Ekonomi negara terjejas disebabkan oleh Covid-19 terutamanya dari segi sektor pelancongan, hotel, runcit dan pelaburan. Tempoh pemulihan ekonomi negara dijangka sekurang-kurangnya enam bulan selepas krisis COVID-19 berakhir
- Sektor pelancongan boleh rugi RM50 bilion hingga RM60 bilion kerana kekurangan pelancong akibat krisis Covid-19 (Affin Hwang Capital)



Penginapan

- Anggaran kerugian dari hasil sewa bilik hotel adalah sebanyak RM3.3 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2020.



Makanan & minuman

- Jaminan bekalan makanan asas mencukupi jika gelombang kedua pandemik COVID-19 melanda negara.



Pengangkutan penumpang

- Trafik penumpang udara Malaysia diramalkan mengalami pertumbuhan tahunan yang menguncup antara 36.2%-38.1% pada tahun 2020 dengan bilangan penumpang sebanyak 67.7 juta hingga 69.7 juta penumpang berbanding 109.2 juta penumpang sepanjang tahun 2019.



Agensi pengembaraan

- Lebih 90 peratus daripada kira-kira 9000 pemain industri pelancongan bernaung di bawah Matta terpaksa beralih arah kepada bidang baharu.



Kebudayaan, sukan dan rekreasi

- Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) akan memotong gaji pokok kakitangan pentadbiran dan teknikalnya sebanyak 10 hingga 20 peratus, jika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi selepas ini, berikutan penularan wabak COVID-19.



Bahan api kenderaan

- Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd (PMRMB) mencatatkan kerugian bersih RM84 juta bagi suku tahun pertama 2020 dan ini disebabkan oleh kesan daripada pandemik COVID-19 serta penurunan ketara harga minyak.



Membeli-belah

- Malaysia menjangkakan akan menyaksikan penguncupan penjualan runcit pertama sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998, sebanyak 5.5%. Dianggarkan 51,000 kedai runcit dijangka ditutup secara kekal, termasuk kedai yang melayani pelancong.



Kesihatan

- Penjagaan kesihatan antara sektor yang dikenalpasti masih mencari pekerja sepanjang PKP selain teknologi maklumat, perkilangan, perbankan dan runcit.

*Kemaskini sehingga 7 Jun 2020

PENAFIAN: Artikel dalam newsletter ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan newsletter ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

